

Headline	PBT lepas tangan pemuliharaan pokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	749 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azran Jaffar	AdValue	RM 25,720
Frequency	Daily	PR Value	RM 77,160



# PBT lepas tangan pemuliharaan pokok

• Kontraktor gagal patuhi garis panduan penanaman

Oleh Azran Jaffar dan Nadia Hamid  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sorang pakar tumbuhan mendedahkan ada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang degil dalam menguruskan pemuliharaan pokok di tepi jalan bandaran dan membiarkan pokok tanpa perintauan.

Bekas Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abdul Rashid Ab Malik, berkata setiap pokok landskap memiliki perlindungan insurans khas oleh PBT bagi membantah kos baik pulih kerosakan membabitkan pokok di bawah seliaan mereka.

Bagaimanapun, dakwanya kontrak penanaman dan penyelenggaraan yang diberikan kepada syarikat kontraktor landskap dipercayai gagal mematuhi garis panduan penanaman yang dikeluarkan pihak berkaitan selain tiada pemuliharaan berkala dan menanam pokok pada kedalaman tidak sesuai sehingga menyebabkan akar pokok keluar ke permukaan jalan.

Katanya, pokok memerlukan penjagaan sistematis berkala dan oleh mereka yang berkemahiran apabila mencapai usia matang kerana proses tumbesaran berlaku berterusan dari semasa ke semasa.

**Pemotongan dahan bersistematis**  
Beliau berkata, kebanyakan pokok hutan yang ditanam di kawasan orang ramai perlu dipangkas atau menjalani kaedah pemotongan dahan pokok bersistematis supaya tidak tumbuh tinggi dan meliar sehingga mengganggu keselamatan serta ekosistem pokok lain.

“Pokok hutan yang ditanam

sebagai landskap tepi jalan raya dibenarkan ditanam mengikut garis panduan Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Landskap Negara dan FRIM kerana kesesuaian tanaman tetapi memerlukan pemuliharaan berkala.

“Selain itu, mereka boleh menggunakan gajet berteknologi sinaran-x untuk mengesan kerosakan atau pereputan dalam pokok hidup bagi menjaga keselamatan orang ramai sekali gus mengurangkan kos menyelenggara pokok,” katanya.

## Tanggung kerugian

Semalam, BH melaporkan JKR menanggung kerugian besar kerana terpaka membelanjakan kira-kira RM10,000 hingga RM20,000 bagi menyelenggara setiap kes jalan rosak atau retak akibat akar pokok dan bencana alam yang menyebabkan dahan patah atau pokok tumbang.

Bagaimanapun, jalan perlu diselenggara JKR membabitkan laluan sejauh 100,000 kilometer di jalan Persekutuan dan jalan negeri saja, manakala kerja selenggara jalan bandaran yang rosak akibat kes akar pokok menjalar hingga jalan retak serta membahayakan keselamatan pengguna adalah di bawah tanggungjawab PBT negeri yang menerima peruntukan geran selenggara jalan daripada Kementerian Kewangan.

Abdul Rashid yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Green Ranger Malaysia, berkata pokok hutan tidak membahayakan pengguna sekiranya kontraktor landskap menggunakan kaedah mengukur kedalaman tanah bertepatan dan menggunakan besi pengadang akar ketika proses awal menanam.

Headline	PBT lepas tangan pemuliharaan pokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	749 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azran Jaffar	AdValue	RM 25,720
Frequency	Daily	PR Value	RM 77,160



+ Laluan pejalan kaki yang rosak disebabkan akar besar di hentian bas Jalan Pantai Baru.



Pokok memerlukan penjagaan sistematis berkala dan oleh mereka yang berkemahiran apabila mencapai usia matang”

**Dr Abdul Rashid Ab Malik,**  
Bekas Pengarah FRIM



**Pokok tumbang yang merosakkan penghadang jalan raya berhampiran bulatan kuda Seri Kembangan.**